

# **TIMBALAN REKTOR KUTKM PROF DR AZHARI MENINGGAL DUNIA**

**BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 20/06/2005 | Author: / NO LAT**

MELAKA, 20 Jun (Bernama) -- Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan) Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) Prof Dr Azhari Salleh meninggal dunia di sebuah hospital swasta di sini hari ini kerana serangan jantung.

Pengarah Perhubungan Korporat dan Antarabangsa KUTKM Prof Madya Dr Mohd Ridzuan Nordin berkata allahyarham, 53, berada dalam keadaan uzur sejak dirawat bulan lepas kerana angin ahmar.

"Beliau dirawat di sebuah hospital swasta lain sebelum dimasukkan ke sebuah hospital swasta di Ayer Keroh dan meninggal dunia pada kira-kira 12.15 tengah hari," katanya ketika dihubungi.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri Saadah Abdul Hamid, empat orang anak dan seorang cucu.

Antara yang menziarahi jenazah allahyarham ialah Ketua Menteri Datuk Seri Mohamed Ali Rustam.

Allahyarham yang dilantik ke jawatan sekarang sejak awal tahun ini menyertai KUTKM pada awal 2001 dan pernah menjadi pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.

Jenazah allahyarham dikebumikan di kampung asalnya di Kampung Telok Mas di sini petang ini.

-- BERNAMA

NO LAT